

Al-'Ilal Al-Saghīr: Karya 'Ilal Atau Usul Al-Hadīth? Kajian Perbandingan Dengan Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim

[Al-'Ilal al-Saghīr: A Work of Ilal or Usūl al-Hadīth? A Comparative Study with Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim]

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi (Corresponding author)

Calon Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia, dzuldzulraidi@gmail.com.

*Article
Progress:*

*Submission date:
20-05-2025*

*Accepted date:
20-06-2025*

ABSTRACT

The science of *uṣūl al-hadīth* is a fundamental discipline in hadith studies that establishes the principles and methodologies for understanding and evaluating hadith. One of the works traditionally associated with this field is *al-'Ilal al-Ṣaghīr* by *al-Tirmidhi*, which has often been categorized as a work in *'ilal al-hadīth*. However, its structure and methodological approach raise questions about whether it should be more accurately classified as a work of *uṣūl al-hadīth* rather than *'ilal al-hadīth*. This study reassesses the classification of *al-'Ilal al-Ṣaghīr* through a comparative analysis with *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* by *Muslim ibn al-Hajjāj*, a recognized cornerstone of *uṣūl al-hadīth*. Using a qualitative methodology, this research employs document analysis and content analysis to examine the structure, themes, and methodologies of both works. The findings indicate that *al-'Ilal al-Ṣaghīr* does not focus primarily on *'ilal al-hadīth* but rather encompasses broader discussions on *muṣṭalaḥ al-hadīth*, *al-jāḥ wa al-ta‘ālīl*, and general principles of hadith authentication. In contrast, *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* systematically elaborates on foundational *uṣūl al-hadīth*, with a clear emphasis on the criteria for accepting and rejecting hadith. Neither work delves deeply into *'ilal al-hadīth*, as *Muslim's* dedicated work, *al-Tamīz*, serves that function. The study concludes that *al-'Ilal al-Ṣaghīr* aligns more closely with *uṣūl al-hadīth* rather than *'ilal al-hadīth*. This reclassification refines the understanding of its academic positioning and contributes to a more accurate classification within hadith studies. The study also suggests further research on the pedagogical implications of teaching *al-'Ilal al-Ṣaghīr*, as instructional approaches may influence its perceived classification. Additionally, future comparisons with other *uṣūl al-hadīth* works, such as *Risālah ilā Ahl Makkah* by *Abū Dāwud*, could provide further insights into the evolution of hadith methodology.

Keywords: *'ilal al-hadīth, al-Tirmizī, uṣūl al-hadīth, Muqaddimah Sahīh Muslim.*

PENDAHULUAN

Ilmu *uṣūl al-hadīth* merupakan bidang yang membincangkan prinsip dan kaedah dalam memahami serta menilai hadith (Sayyid Muhammad Alawi, 2024). Ia merangkumi pelbagai aspek seperti klasifikasi sanad dan matan, syarat penerimaan hadith, serta metodologi kritik hadith. Salah satu karya yang juga dikaitkan dengan bidang ini ialah *al-'Ilal al-Saghīr* oleh al-Tirmizī, yang secara tradisionalnya dikategorikan sebagai karya dalam '*ilal al-hadīth*'. Namun, struktur dan metodologi yang digunakan dalam kitab ini menimbulkan persoalan sama ada ia lebih sesuai dianggap sebagai karya dalam *uṣūl al-hadīth* berbanding '*ilal al-hadīth*'. Begitu juga terdapat beberapa sarjana menyatakan bahawa kitab ini merupakan sebahagian daripada kitab '*ilal al-hadīth*' seperti Ilhām Makmar (2018), Sa'īd Abdullah al-Hamīd (2012) dan Ali al-Šayyāh (2000). Justeru hal ini lebih mewujudkan keperluan analisis mendalam dijalankan ke atas kitab ini.

Sebagai perbandingan, terdapat beberapa karya utama dalam bidang *uṣūl al-hadīth* yang telah menjadi rujukan utama para sarjana. Antaranya ialah *Muqaddimah Ṣahīh Muslim* oleh Muslim bin al-Ḥajjāj, yang membahaskan prinsip-prinsip dalam penerimaan hadith dan kritikan terhadap sanad dan perawi. Berbeza dengan karya klasik dalam '*ilal al-hadīth*' seperti *al-'Ilal* oleh Ibn Abī Hātim al-Rāzī dan *al-'Ilal* oleh 'Alī bin al-Madīnī, yang secara langsung menumpukan kepada pendedahan kecacatan tersembunyi dalam sanad dan matan, *al-'Ilal al-Saghīr* kelihatan mempunyai unsur yang lebih luas dan tidak terhad kepada kajian kecacatan sanad semata-mata.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai kedudukan sebenar *al-'Ilal al-Saghīr* dalam literatur hadith melalui perbandingan dengan *Muqaddimah Ṣahīh Muslim*. Analisis ini akan menentukan sejauh mana *al-'Ilal al-Saghīr* mengandungi ciri-ciri *uṣūl al-hadīth* dan sejauh mana ia berbeza daripada karya-karya yang jelas bersifat '*ilal al-hadīth*'. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan yang lebih jelas kepada para sarjana dalam memahami kedudukan sebenar karya ini serta memperbaiki pengelasan karya hadith dalam pengajian akademik.

Kajian ini juga telah melakukan semakan kajian terdahulu dalam pangkalan data Google Scholar tanpa menetapkan tempoh masa kajian. Carian menggunakan kata kunci seperti "*al-'Ilal*

al-Saghīr", dan "*Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*" dalam bahasa Melayu, Inggeris, dan Arab. Walaupun terdapat kajian yang memfokuskan kepada subjek *al-Ilal al-Saghīr*; tiada kajian yang secara khusus membahaskan klasifikasi *al-Ilal al-Saghīr* sebagai karya dalam bidang uṣūl al-ḥadīth. Rujuk jadual di bawah untuk senarai kajian terdahulu berkaitan.

Jadual 1: Rumusan Literatur Lepas

No.	Tajuk	Penulis	Tahun	Objektif Kajian
1.	<i>Bayān Awjāh al-Ittiṣāq wa Mawādi’ al-Iftirāq fīmā Rasamah al-Imām al-Tirmizī fī Kitābihī al-Ilal al-Saghīr min Ahkām wa Muṣṭalahāt</i>	Zahrā’ ‘Azām	2018	Membincangkan mengenai isu-isu yang timbul daripada perbincangan <i>mustalah</i> al-Tirmizī dalam <i>al-’ilal al-Saghīr</i> .
2.	<i>Al-Hadīth al-Ghaīb ‘inda al-Imām al-Tirmizī</i>	Jābir al-‘Abd	2021	Membincangkan mengenai pemahaman istilah <i>ghaīb</i> di sisi al-Tirmizī.
3.	<i>Al-Hadīth al-Fard ‘inda al-Imām al-Tirmizī min Khilāl Kitābihī al-’ilal al-Saghīr</i>	Asmā’ Suwailim, Sālimah Ubaid	2020	Membahaskan mengenai hadith <i>fard</i> menurut al-Tirmizī.
4.	<i>Al-Asānīd al-Fiqhiyyah wa al-Masā’īl al-Hadīthiyyah allaftī Ikhtassa bihā al-Imām al-Tirmizī fī Kitābihī al-’ilal al-Saghīr</i>	Ilhām Ma’mar	2018	Membahaskan mengenai sanad fuqahā’ yang dikeluarkan oleh al-Tirmizī dalam karya <i>al-’ilal al-Saghīr</i> .

Daripada kesemua kajian yang telah dijalankan, belum ada yang secara khusus membincangkan mengenai kedudukan al-*Ilal al-Saghīr* oleh al-Tirmizī dalam konteks ilmu *usūl al-hadīth*. Justeru itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk membahaskan sama ada *al-Ilal al-Saghīr* layak dikategorikan sebagai karya ‘ilal al-Hadīth atau *usūl al-hadīth*. Kajian ini penting untuk mendapatkan penjelasan yang jelas mengenai kedudukan sebenar *al-Ilal al-Saghīr* dan bagaimana kedudukannya berbanding dengan karya lain seperti *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* oleh Muslim bin al-Hajjāj. Kajian ini juga akan membantu mengisi jurang dalam literatur sedia ada mengenai klasifikasi karya-karya hadith dan memberikan panduan yang lebih tepat kepada para penyelidik dalam memahami dan mengajar karya ini. Signifikansi kajian ini terletak pada sumbangannya kepada bidang ilmu hadith, khususnya dalam aspek metodologi kritikan hadith, yang seterusnya dapat meningkatkan kefahaman dan keabsahan dalam kajian hadith. Dengan adanya kajian ini, para penyelidik hadith akan lebih memahami kategori dan aplikasi karya *al-Ilal al-Saghīr* dalam konteks akademik dengan lebih berkesan dan tepat.

Biografi al-Tirmizī

Beliau ialah Muhammad bin Isa bin Saurah bin Mūsa bin al-Dhahāk al-Sulamī al-Tirmizī. Ini yang disebutkan oleh pelajarnya Muhammad bin Ahmad al-Mahbūbī sekaligus merupakan pandangan yang paling masyhur. Selain itu, terdapat pandangan lain menyebut nama beliau ialah Muhammad bin Isa bin Saurah bin Syaddād dan Muhammad bin Isa bin Yazīd bin Saurah al-Sakan (al-Ṭāhir al-Azhar, 2007).

Beliau dinisbahkan kepada al-Sulamī iaitu Sulaim bin Mansūr bin ‘Ikrimah. Satu kabilah terkenal yang berada di antara Mekah dan Madinah daripada zaman jahiliah sehingga hari ini (Abdul Majid al-Ghauri, 2005). Sementara itu, nama al-Tirmizī merupakan penisbahan kepada Tirmiz . Beliau diberikan kunyah Abū ‘Isa. Menurut Abdullah al-Sa’ad (2022), para ilmuwan Islam bersepakat mengenai hal ini.

Al-Tirmizī dilahirkan pada tahun 209 hijrah. Terdapat segelintir pandangan mengatakan beliau dilahirkan dalam keadaan buta. Hal ini tidak tepat seperti apa yang dikatakan oleh Yūsuf bin Ahmad al-Baghdādī bahawa al-Tirmizī menjadi buta pada akhir usianya. Berkenaan kewafatan beliau, terdapat beberapa pandangan yang direkodkan antaranya tahun 275 hijrah, 270 lebih hijrah, 279 hijrah dan setelah 280 hijrah. Pandangan yang masyhur di kalangan para ulama Islam adalah beliau wafat pada tahun 279 hijrah di Tirmiz.

Al-Tirmizī mengambil ilmu daripada ramai guru. Sebahagian pengkaji merekodkan bilangan guru-gurunya mencapai lebih daripada 200 orang. Antara guru-guru beliau yang masyhur ialah Ishāk bin Rahawaih, Qutaibah bin Sa'īd, al-Dārimī, al-Bukhārī, Muhammad bin Yahya al-Zuhālī dan banyak lagi. Dalam masa yang sama beliau juga mempunyai ramai pelajar. Al-Mizzī menghitung jumlah pelajarnya mencapai hampir 30 orang. Antaranya pelajarnya yang masyhur ialah Muhammad bin Ahmad al-Mahbūbī dan al-Haitham bin Kulaib al-Shāshī (al-Tāhir al-Azhar, 2007).

Para ilmuwan Islam silam dan kontemporari bersepakat mengenai ketokohan al-Tirmizī. Begitu juga keilmuannya yang luas dalam pelbagai lapangan khususnya hadith dan fiqh. Al-Bukhārī menyatakan kepada beliau “Aku lebih banyak mengambil manfaat daripada kamu berbanding kamu mengambil manfaat daripadaku” (al-Khalīlī, 1989). Selain itu Ibn Hibbān memuji al-Tirmizī dalam karyanya al-Tsiqāt “Abū ‘Isā adalah daripada kalangan yang mengumpul, menulis, menghafal dan mengulangi perbincangan-perbincangan hadith”. Al-Zahabī memberi kesimpulan jelas mengenai kedudukan al-Tirmizī dengan katanya “Muhammad bin ‘Isā bin Saurah al-Hāfiẓ al-‘Ilm, Abū ‘Isā al-Tirmizī pengarang kitab *al-Jāmi'* tsiqah secara kesepakatan para ilmuwan Islam” (al-Zahabi, 1985).

Justeru kesemua pujian tersebut membuktikan kedudukan dan ketokohan al-Tirmizī yang tinggi dalam dunia Islam khususnya pada lapangan hadith.

Pengenalan Karya al-’Ilal al-Saghīr

Al-Tirmizī mempunyai sebuah karya magnum opus yang dimasyhur dikenali dengan nama *Jāmi'* *al-Tirmizī*. Di akhir karya beliau, dimasukkan sebuah risalah kecil yang dikenali sebagai *al-’Ilal al-Saghīr* dengan menjelaskan rujukan, perawi, istilah dan metodologi beliau dalam *al-Jāmi'* (Zahrā’ ‘Azām, 2018). Menurut Asmā’ Suwailim dan Sālimah Ubaid (2020), tujuan penulisan karya *al-’Ilal al-Saghīr* kerana melihat manfaat yang besar, terutamanya bagi pelajar yang baru mempelajari ilmu hadith. Al-Tirmizī menyatakan sedemikian "Aku telah menjelaskan apa yang ada dalam kitab ini daripada perkataan ahli fiqh dan ulama hadith, kerana kami telah ditanya tentang perkara ini dan kami telah menjelaskannya. Kemudian kami melakukan perkara ini kerana manfaat bagi manusia, kerana kami tidak menemui seorang pun daripada imam yang terdahulu daripada kami yang menulis tentang perkara ini. Ia juga bermanfaat bagi anak-anak muda yang mempelajari hadith, seperti Abdullah bin Abdul Aziz bin Abū Rawwād, Sulaimān

bin Harb, Abdul Rahman bin Abū al-Mawāhib, dan yang lain daripada kalangan ahli ilmu dan keutamaan. Mereka telah melakukan banyak manfaat dengan ini dan kami berharap Allah memberikan manfaat kepada orang-orang Islam melalui ilmu ini, dan mereka diberikan ganjaran di sisi Allah."

Kitab *al-Ilal al-Saghīr* oleh al-Tirmizī merupakan karya yang merangkumi pelbagai perbincangan penting dalam ilmu hadith, terutama dalam konteks usul al-hadith dan kritikan perawi (Asmā' Jābir al-'Abd, 2021). Antara perbincangan utama dalam kitab ini termasuklah metodologi yang digunakan dalam *al-Jāmi'*, serta penjelasan mengenai sanad-sanad *fuqahā'* yang dimasukkan dalam kitab tersebut. Al-Tirmizī juga membahas secara terperinci mengenai rujukan dalam perbahasan 'ilal dan kritik terhadap perawi yang terdapat dalam *al-Jāmi'*.

Selain itu, kitab ini turut membincangkan hukum mengkritik perawi, kepentingan sanad dalam agama, dan tingkatan-tingkatan perawi. Perbincangan mengenai hukum periwayatan hadith secara makna, bentuk-bentuk periwayatan hadith (*al-Tahammul wa al-Adā*), dan hukum periwayatan hadith *mursal* juga dibahas dengan mendalam. Al-Tirmizī turut memberikan definisi dan penjelasan mengenai istilah-istilah penting seperti *ḥasan* dan *gharīb* dalam hadith.

Kitab *al-Ilal al-Saghīr* memiliki kedudukan yang agung dan tempat yang tinggi di antara kitab-kitab dalam bidang ini. Kitab ini unik dalam babnya, sebagaimana dikatakan oleh Ibn Rejab (1987) berkait tajuknya, isi kandungannya, dan cara penulisannya. Manfaat-manfaatnya tidak boleh diabaikan dan tidak boleh seorang pelajar ilmu hadith tidak memahami kitab ini.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, kerana pendekatan ini adalah yang paling sesuai untuk memahami isu secara mendalam, khususnya dalam menilai kedudukan *al-Ilal al-Saghīr* oleh al-Tirmizī dalam konteks *uṣūl al-ḥadīth* (Mohd Awang Idris et al., 2018).

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan dengan meneliti sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan kedua-dua karya *al-Ilal al-Saghīr* dan *Muqaddimah Ṣahīḥ Muslim* oleh Muslim bin al-Hajjāj. Sumber-sumber ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku dalam format PDF, serta perpustakaan digital seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*. Kajian ini juga melibatkan perbandingan mendalam terhadap struktur, kandungan, dan metodologi kedua-dua karya bagi memastikan analisis yang lebih menyeluruh.

Bagi analisis data, kajian ini menggunakan metode analisis kandungan untuk mengenal pasti bagaimana *al-Ilal al-Saghīr* membincangkan konsep-konsep asas dalam *uṣūl al-hadīth*, seperti kaedah penilaian perawi, penggunaan istilah hadith, serta pendekatan dalam menentukan kesahihan sanad dan matan. Selain itu, kajian ini menilai sejauh mana karya ini mempunyai persamaan atau perbezaan dengan pendekatan *uṣūl al-hadīth* yang diterapkan dalam *Muqaddimah Ṣahīh Muslim*. Seterusnya, analisis ini membolehkan perbandingan metodologi dan keandalan antara kedua-dua karya, seterusnya memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kategori yang sesuai bagi *al-Ilal al-Saghīr* dalam literatur hadith.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

Perbandingan Metodologi Perbincangan *al-Ilal al-Saghīr* dan *Muqaddimah Ṣahīh Muslim*

Bagi mendapatkan pengesahan sama ada karya *al-Ilal al-Saghīr* layak dikategorikan sebagai kitab usul al-hadīth atau bukan, kajian menjalankan perbandingan bersama sebuah karya lain dalam bidang *uṣūl al-hadīth* iaitu *Muqaddimah Ṣahīh Muslim* karangan Muslim bin al-Hajjāj. Kajian tidak mengambil karya-karya bidang *uṣūl al-hadīth* yang lain seperti *Ma'rifah Utūm al-Hadīth* oleh al-Hākim al-Naisābūrī, *al-Muhaddith al-Fāsil* oleh al-Rāmahurmuzī dan sebagainya berikutan era zaman dan metodologi persempahan ilmu *uṣūl al-hadīth* yang berbeza. Hal ini berbeza dengan metodologi asas kedua-dua karya *al-Ilal al-Saghīr* dan *Muqaddimah Sahīh Muslim*. Rujukan asas bagi *Muqaddimah Ṣahīh Muslim* berdasarkan beberapa sumber cetakan iaitu cetakan *Dār Ibn al-Jawzī* dengan syarahan daripada Abdul Karīm al-Khudayr. Selain itu, cetakan *Dār Ibn al-Jawzī* dengan syarahan daripada Ali bin Ādam al-Ityūbī. Seterusnya cetakan *Beyt Atiq Enterprise* dengan terjemahan daripada penulis sendiri. Hal ini berikutan supaya rujukan silang dapat dijalankan antara ketiga-tiga cetakan. Cetakan yang dijadikan asas bagi utama dalam perbincangan adalah cetakan *Dār Ibn al-Jawzī* daripada Abdul Karīm al-Khudayr. Hal ini berikutan ia terdapat dalam laman *al-Maktabah al-Shāmilah* maka lebih mudah untuk dirujuk kembali. Manakala bagi *al-Ilal al-Saghīr* kajian mendapati tiada cetakan dimasukkan di laman *al-Maktabah al-Shāmilah*. Justeru itu, kajian berpada dengan cetakan *Dār al-Muhaddith* dengan tahkik daripada 'Ādil al-Zuraqī. Begitu juga kajian melakukan ulang rujuk kepada syarah daripada Ibn Rejab al-Hanbalī menggunakan cetakan *Dār al-Salām* tahkik Nūr al-Dīn 'Itr dan *Maktabah al-Rusyd* tahkik Hammām Sa'īd.

1. *Al-Ilal al-Saghīr*:

Kajian mengeluarkan susunan perbincangan dalam kitab *al-'Ilal al-Saghīr*. Justeru perinciannya adalah seperti berikut:

Jadual 2: Susunan perbincangan *al-'Ilal al-Saghīr*

Pengarang	Muhammad bin Isa al-Tirmizi
Kitab	<i>Al-'Ilal al-Saghīr</i>
Susunan	1. Metodologi dalam <i>al-Jāmi'</i> karangan al-Tirmizī.
Perbincangan	<p>2. Perbincangan sanad-sanad fuqahā' yang dimasukkan dalam <i>al-Jāmi'</i> karangan al-Tirmizī.</p> <p>3. Penjelasan rujukan perbahasan <i>'īlal</i> dan kritik perawi dalam <i>al-Jāmi'</i> karangan al-Tirmizī.</p> <p>4. Hukum mengkritik perawi.</p> <p>5. Kepentingan sanad dalam agama.</p> <p>6. Tingkatan-tingkatan perawi.</p> <p>7. Hukum periwayatan hadith secara makna.</p> <p>8. Bentuk-bentuk periwayatan hadith (<i>al-Tahammul wa al-Adā'</i>).</p> <p>9. Hukum periwayatan <i>mursal</i></p> <p>10. Definisi istilah <i>hasan</i>.</p> <p>11. Definisi istilah <i>gharīb</i>.</p>

2. *Muqaddimah Sahīh Muslim*

Penulisan karya *Sahīh Muslim* berpunca daripada permintaan murid Muslim bin al-Hajjāj sendiri iaitu Ahmad bin Salamah . Hal ini telah dijelaskan sendiri oleh Muslim dalam *Muqaddimah* beliau. Ahmad bin Salamah telah menjelaskan kepada Muslim bin al-Hajjāj bahawa beliau ingin mendalami bidang hadith justeru meminta Muslim mengarang sebuah kitab

hadith. Seterusnya, Muslim bin al-Hajjāj memperkenankan permintaan murid beliau dan mengarang sebuah karya *al-Musnad al-Šahīh al-Mukhtaṣar min Sunan Rasūlullah* yang lebih masyhur dikenali sebagai *Šahīh Muslim*. Khusus dalam muqaddimah bagi kitab ini, Muslim bin al-Hajjāj menjelaskan mengenai metodologi beliau dalam berinteraksi dengan hadith. Hal ini kerana menurut beliau, terdapat golongan pseudo muhaddithīn yang menyebarkan hadith-hadith bermasalah kepada orang awam dan perkara itu merosakkan. Perbincangan-perbincangan dalam muqaddimah beliau lengkap sehingga layak dikategorikan sebagai sebuah karya usul hadith. Terdapat beberapa tokoh yang menghuraikan muqaddimah beliau secara berasingan berbanding kitab *Šahīh Muslim* seperti Muḥammad Ibn al-Shaykh al-‘Allāmah ‘Ali bin Adam bin Musa al-Ityūbī dan Abdul Karīm al-Khudayr:

Jadual 3: Susunan perbincangan *Muqaddimah Šahīh Muslim*

Pengarang	Muslim bin al-Hajjāj al-Naisābūrī
Kitab	<i>Muqaddimah Šahīh Muslim</i>
Susunan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pendahuluan dan Kata-kata Aluan daripada Muslim bin al-Hajjāj.
Perbincangan	<ol style="list-style-type: none"> 2. Sebab Penulisan <i>Šahīh Muslim</i>. 3. Metodologi Penulisan <i>Šahīh Muslim</i>. 4. Pembahagian perawi hadith <i>maqbūl</i> dan <i>mardūd</i>. 5. Realiti Periwayatan Hadith Era Muslim bin al-Hajjāj. 6. Kewajiban Mengambil Riwayat daripada Para Perawi Tsiqah dan Meninggalkan Penipu. 7. Larangan Berdusta ke atas Nabi SAW. 8. Larangan Menceritakan Semua yang Didengari tanpa Tapisan. 9. Perawi Dhaif dan Penipu yang Perlu Dijauhi Riwayat Mereka. 10. Sanad Merupakan Sebahagian daripada Agama. 11. Menceritakan Kelemahan Perawi dan Pandangan Ulama Hadith Mengenainya. 12. Adakah Disyaratkan Bertemu bagi Pensabitan <i>Samā'</i> Seseorang Perawi. 13. Sah Menggunakan Hadīth <i>Mu'an'an</i> sebagai Hujah.

Setelah itu, kajian menganalisis persamaan dan perbezaan kedua-dua karya ini untuk mendapatkan dapatan yang lebih rinci. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 4: Analisis perbezaan dan persamaan karya *al-'Ilal al-Saghīr* dan *Muqaddimah Ṣahīḥ Muslim*

No.	Bahagian	Perbincangan	Kitab	Catatan
			<i>Al-'Ilal al-Saghīr</i>	<i>Muqaddimah Ṣahīḥ Muslim</i>
1.	Pengenalan Kitab	Penjelasan sebab penulisan kitab	✓	Muslim menjelaskan sebab penulisan kitab <i>Ṣahīḥ</i> , dan muqaddimahnya untuk menceritakan metodologi penulisan beliau.
2.	<i>Mustalah al-hadīth</i>	Perbahasan istilah-istilah hadith	✓	Al-Tirmizī membahaskan definisi <i>ḥasan</i> dan <i>gharīb</i> . Muslim menyentuh beberapa istilah penting seperti <i>munkar</i> , <i>mukhtalif</i> , <i>mudallis</i> dan sebagainya.
		<i>Al-Tahammul wa al-Adā'</i>	✓	Muslim menyentuh perbahasan ini ketika membincangkan isu

riwayat secara *mu'an'an*.
Tetapi perbincangannya
terlalu ringkas.

Hukum ✓

periwayatan

hadith secara

makna

Hukum ✓ ✓

periwayatan

hadith *mursal*

3. *Al-Jarh wa al-Ta'dīl* Tingkatan-tingkatan perawi ✓ ✓ Keduanya membahaskan tingkatan perawi secara umum.

Hukum ✓ ✓

mengkritik

perawi

4. *'Ilal al-Hadīth* Metodologi
'ilal al-hadīth

Perbahasan

hadith ber *illah*

5. Perbahasan umum Keutamaan ✓ ✓

Gesaan ✓ ✓

meriwayatkan

Keduanya membincangkannya

hadith persis didengari	secara tidak langsung daripada perbincangan kepentingan sanad
----------------------------	---

Hasil kajian mendapat terdapat beberapa titik perbezaan antara kedua-dua karya. Dalam bahagian pengenalan kitab, al-Tirmizī tidak menjelaskan sebab penulisan risalah beliau. Namun sebahagian tokoh berpandangan ia merupakan suatu kata pengantar bagi karya *al-Jāmi'* beliau (Asmā' Jābir al-'Abd, 2021). Di sisi yang lain Muslim menjelaskan sebab penulisannya iaitu ia merupakan permintaan daripada seorang individu agar beliau menceritakan metodologi para muhaddithīn dalam penilaian hadith. Seterusnya, dalam bahagian *Muṣṭalah al-Hadīth*, al-Tirmizī membincangkan aspek bentuk periwayatan khususnya persamaan dan perbezaan antara lafaz *akhbaranā* dan *haddathanā*. Menurut Ibn Rejab, sebahagian *muhaddithīn* menyamakan kedua-dua lafaz ini untuk bentuk majlis periwayatan *al-samā'* manakala sebahagian yang lain membezakannya (Ibn Rejab, 2016). Beliau juga turut menyelitkan perbincangan mengenai hukum meriwayatkan hadith secara makna (*al-riwayāt bi al-ma'na*). Menurut al-Zahabī, pendapat muktamad dalam isu ini adalah diharuskan riwayat secara makna selagi tidak mengubah kehendak hadith (Dzul Dzulraidi, 2023). Walaupun demikian, Muslim bin al-Hajjāj tidak ada membahaskan mengenai topik-topik berikut dalam *Muqaddimah* beliau. Mengenai aspek bentuk periwayatan beliau menyelitkan perbincangan mengenainya ketika membahaskan topik riwayat secara '*an'anah*'. Namun ia tidak bertujuan membincangkan seperti al-Tirmizī. Justeru kajian tidak mengambilnya. Mungkin hal ini berikutan beliau melihat tiada keperluan membincangkan topik-topik tersebut dalam karyanya.

Seterusnya, hasil kajian mendapat terdapat titik persamaan yang jelas antara kedua-dua karya. Pertama, di bahagian *Muṣṭalah al-Hadīth*, al-Tirmizī dan Muslim masing-masing membincangkan mengenai istilah hadith dalam karya mereka. Al-Tirmizī membahaskan mengenai topik istilah-istilah masyhur seperti *ḥasan*, *mursal* dan *gharīb*. Di sisi lain Muslim pula membincangkan mengenai istilah *tsiqah*, *mukhtalif*, *munkar*, *mudallis* dan sebagainya. Contoh perbahasan Muslim seperti berikut:

وعلامة المنكر في حديث المحدث: إذا ما عرضت روايته للحديث على رواية غيره من أهل الحفظ والرضا، خالفت روايته روایتهم، أو لم تکد تتفقها، فإذا كان الأغلب من حدیثه كذلك: كان مهجور الحديث، غير مقبوله ولا

مستعمله

Terjemahan:

“Tanda-tanda munkar dalam riwayat seorang perawi adalah ketika periyatannya bercanggah dengan periyatan perawi dari kalangan yang dikenali memiliki kemampuan hafalan dan diterima [secara maklum oleh *muḥaddithīn*], atau tidak selari ketika keduanya dibandingkan. Apabila kebanyakan riwayat seseorang perawi seperti itu, dia dianggap bermasalah dalam hadith, tidak diterima, serta riwayat-riwayatnya tidak digunakan”.

Di sini Muslim membincangkan definisi atau konsep *munkar* dengan memberikan contoh agar pembaca mendapat kefahaman sebaik mungkin. Beralih kepada bahagian *al-Jārh wa al-Ta’dīl*, al-Tirmizī dan Muslim kedua-duanya membahaskan mengenai tingkatan-tingkatan perawi. Al-Tirmizī membahagikan perawi kepada empat tingkatan iaitu (1) perawi yang ditohmah berdusta (*muttaham bi al-kazib*), (2) perawi dhaif kerana kelalaian dan banyak silap, (3) perawi dikritik kerana hafalan dan (4) perawi *al-hāfiẓ al-mutqin*. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 5: Pembahagian Perawi al-Tirmizī

No.	Kategori Perawi	Catatan
1.	<i>Al-hāfiẓ al-mutqin</i>	Perawi ini merupakan kategori <i>tsiqah</i> yang tertinggi.
2.	Perawi dikritik kerana hafalan namun masyhur dengan keadilan dan diterima riwayatnya. Keilmuwannya.	Perawi kategori ini riwayatnya secara bersendirian akan ditolak.
3.	Perawi dhaif kerana banyak kesilapan dan kelalaian	Perawi kategori ini riwayatnya tidak diterima.
4.	Perawi yang ditohmah berdusta (<i>muttaham bi al-kazib</i>)	Perawi kategori ini riwayatnya tidak diterima.

Namun begitu, Muslim membezakan antara tingkatan perawi yang beliau keluarkan dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* berbanding al-Tamyīz. Dalam *Muqaddimah*, Muslim bin al-Hajjāj membahagikan perawi secara umum kepada tiga tingkatan iaitu (1) perawi adil dan sempurna dhābit (hafalan), (2) perawi adil tetapi kurang dhābit dan (3) perawi tidak adil dan tidak dhābit (Ali bin Adam al-Ityūbī, 2003; Muhammad Amin, 2009). Terdapat satu rumusan pembahagian perawi yang telah dilakukan oleh Ibrahim Adham Mohd Rokhibi (2022) dan ia selari dengan penelitian kajian. Rumusan adalah seperti berikut:

Rajah 6: Pembahagian Perawi *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*

TABAQAH PERTAMA (Adil + Dabit Sempurna)			
Bil	Nama Perawi	Martabat <i>Jarh Ta'dil</i>	Hadith
1	'Abd Allāh bin 'Awn	Thiqah Thabat Fāḍil	Hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang 'adil dan dabit secara sempurna. [Usul]
2	Ayyūb al-Sakhtiyānī	Thiqah Thabat hujjah	
3	Manṣūr bin al-Mu'tamir	Thiqah Thabat	
4	'Awf bin Abī Jamīlāh	Thiqah Rumiya bi al-Qadr wa bi al-Tasyayyu'	
5	Ash'at al-Ḥumrānī	Thiqah Faqih	
6	Al-A'mash	Thiqah Hafidh	
7	Ismā'il bin Abī Khālid	Thiqah Thabat	
TABAQAH KEDUA ('Adil + Kurang Dabit)			
1	'Atā' bin al-Sā'ib	Ṣadūq Ikhtalat	Hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang mastur atau saduq. [Shawāhid ataupun Tawābi']
2	Yazīd bin Abī Ziyād	Ṣadūq	
3	Al-Layth bin Abī Sulaym	Ṣadūq Ikhtalat Jiddan	
TABAQAH KETIGA (Cacat ke'adilan dan kedabitannya)			
1	'Abd Allāh bin Miswar Abī Ja'far al-Madā'inī	<i>Waṣa'a Ahādīth 'an Rasūllillah SAW</i>	Hadith yang diriwayatkan oleh perawi: 1. <i>Muttaham bi al-Kadhib</i> [<i>Matrūk</i>] 2. <i>Kaddhāb @ Dajjāl</i> [<i>Mawḍū'</i>] 3. <i>Munkar @ Kathrah al-Ghalat</i> [<i>Munkar</i>] *[Tidak diriwayatkan hadith daripada tabaqah ini]
2	'Amru bin Khālid	<i>Matrūk</i> dan dituduh sebagai <i>Kadhdhāb</i> oleh Wakī'	
3	'Abd al-Quddūs al-Shāmī	<i>Aḥādīthuhu Munkarah al-Isnād wa al-Matn</i>	
4	Muhammad bin Sa'id al-Maslūb	<i>Matrūk</i>	
5	Ghiyāth bin Ibrāhīm	<i>Taraka al-Nās Hadīthahu</i>	
6	Sulaymān bin 'Amru Abī Dāwud al-Nakha'i	<i>Ma'rūf bi Wad'i al-Hadīth</i>	
7	'Abd Allāh bin Muḥarrar	<i>Matrūk</i>	
8	Yahyā bin Unaysah	<i>Da'if</i>	
9	Al-Jarrāḥ bin al-Minhāl Abū al-'Atūf	<i>Da'if</i>	
10	'Abbād bin Kathīr	<i>Matrūk</i>	
11	Ḥusayn bin 'Abd Allāh bin Dumayrah	<i>Matrūk al-Hadīth Kazzāb</i>	
12	'Umar bin Ṣuhbān	<i>Da'if</i>	

Pembahagian ini berbeza dengan apa yang Muslim bin al-Hajjāj keluarkan dalam *al-Tamyīz*. Beliau turut membahagikan perawi kepada tiga tingkatan namun pembahagiannya kepada (1) *al-hāfiẓ al-mutqin* (perawi cemerlang hafalan), (2) *al-mutasāhil, dhū ghafflah* atau *ghayr dābit* (perawi yang kurang sempurna hafalan) dan (3) perawi yang hanya menitikberatkan hafalan matan hadith tanpa memberi pemfokusan kepada sanad. Rumusan pembahagian perawi Muslim bin al-Hajjāj dalam *al-Tamyīz* adalah seperti berikut:

Jadual 7: Pembahagian Perawi Muslim dalam *al-Tamyīz*

No.	Kategori Perawi	Catatan
1.	<i>Al-hāfiẓ al-mutqin</i>	Perawi ini merupakan kategori <i>tsiqah</i> yang tertinggi.
2.	<i>Al-mutasāhil, dhū ghafflah</i> atau <i>ghayr dābit</i>	Perawi kategori <i>tsiqah</i> yang rendah
3.	Perawi yang tidak menitikberatkan soal sanad	Perawi <i>maqbūl</i> semata-mata

Terdapat perbezaan yang jelas antara pendekatan yang digunakan dalam kedua-dua karya yang dibandingkan. Dalam *al-Tamyīz*, Muslim memfokuskan kepada tingkatan perawi yang diterima riwayatnya sahaja (*maqbūl*), manakala dalam *Muqaddimah Ṣahīḥ Muslim*, beliau mengategorikan perawi secara lebih luas, merangkumi perawi yang diterima (*maqbūl*) dan yang ditolak (*mardūd*). Perbezaan ini selari dengan skop perbincangan ilmu ‘ilal al-ḥadīth, yang menumpukan kepada kesilapan perawi *maqbūl*, sementara *uṣūl al-ḥadīth* membincangkan perawi secara umum, sama ada diterima atau ditolak (Ahmad Ma’bad & Muhammad Nasr, 2016).

Kedua-dua kitab juga membahaskan hukum mengkritik perawi, di mana kedua-dua penulis sependapat bahawa mengkritik perawi adalah kewajipan bagi para *muhaddithīn*. Muslim turut mengemukakan dalil daripada al-Quran yang menekankan kepentingan mengambil riwayat hanya daripada perawi yang dipercayai. Dalam aspek metodologi, al-Tirmizī dan Muslim bin al-Hajjāj menggunakan pendekatan yang sama, iaitu membawakan riwayat hadith secara musnad

bagi menunjukkan keharusan mengkritik perawi atas dasar menjaga keaslian dan ketepatan hadith Nabi SAW.

Dalam perbincangan mengenai *'ilal al-hadīth*, analisis ini menjadi kayu ukur untuk menentukan sama ada *al-'Ilal al-Saghīr* layak dikategorikan sebagai karya dalam bidang tersebut atau lebih sesuai sebagai karya *uṣūl al-hadīth*. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua kitab ini tidak membahaskan ilmu *'ilal al-hadīth* secara khusus. Sebaliknya, Muslim telah menulis karya lain yang secara khusus membincangkan aspek *'ilal al-hadīth*, iaitu *al-Tamyīz*.

Dari segi perbincangan umum, al-Tirmizī dan Muslim membincangkan keutamaan sanad serta kepentingan meriwayatkan hadith sebagaimana yang didengari. Kedua-dua tokoh membahaskan topik ini dengan kaedah yang sama, iaitu mengeluarkan riwayat hadith secara musnad. Pendekatan ini merupakan ciri khas karya mutaqaddimīn, di mana menjadi kebiasaan mereka untuk menyertakan sanad penuh dalam perbahasan sesuatu bab.

Hasil kajian mendapati bahawa *al-'Ilal al-Saghīr* oleh al-Tirmizī lebih sesuai dikategorikan sebagai karya *uṣūl al-hadīth* berbanding *'ilal al-hadīth* secara khusus. Perbandingan dengan *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* menunjukkan bahawa *al-'Ilal al-Saghīr* tidak menumpukan kepada ilmu *'ilal al-hadīth* secara mendalam, sebaliknya mengandungi perbahasan dalam bidang lain seperti muṣṭalah al-hadīth, al-jarḥ wa al-ta'dīl, serta perbincangan umum mengenai hadith. Begitu juga, kajian ini mendapati bahawa *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* dengan jelas layak dikategorikan sebagai karya dalam *uṣūl al-hadīth*, kerana ia memberi tumpuan mendalam kepada prinsip-prinsip asas ilmu hadith.

Namun begitu, kajian mencadangkan agar kajian lanjutan dilakukan mengenai realiti pengajaran kitab *'ilal al-hadīth* di institusi-institusi hadith untuk menganalisis gaya huraiān para pengajar terhadap kitab ini. Hal ini kerana, kemungkinan *al-'Ilal al-Saghīr* boleh diuraikan sebagai sebuah kitab *'ilal al-hadīth* bergantung kepada pendekatan dan kefahaman pengajarnya.

Justeru, hasil kajian ini telah menjawab persoalan utama kajian mengenai kedudukan *al-'Ilal al-Saghīr*, sama ada ia layak dikategorikan sebagai karya *uṣūl al-hadīth* atau *'ilal al-hadīth*. Kajian ini juga telah menjalankan analisis perbandingan dengan salah satu karya *uṣūl al-hadīth* yang terkenal, iaitu *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* oleh Muslim bin al-Hajjāj, yang memperkuuhkan dapatan bahawa *al-'Ilal al-Saghīr* lebih hampir kepada *uṣūl al-hadīth* daripada *'ilal al-hadīth*.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa *al-Ilal al-Saghīr* oleh al-Tirmizī lebih sesuai dikategorikan sebagai karya dalam *uṣūl al-hadīth* berbanding *‘ilal al-hadīth* tidak seperti yang didakwa oleh segelintir ilmuwan lain. Melalui analisis perbandingan dengan *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* oleh Muslim bin al-Hajjāj, didapati bahawa *al-Ilal al-Saghīr* tidak memberikan fokus khusus kepada perbahasan *‘ilal al-hadīth*, sebaliknya lebih banyak membincangkan prinsip asas dalam ilmu hadith seperti *muṣṭalaḥ al-hadīth*, *al-jarḥ wa al-ta’dīl*, dan metodologi penilaian sanad. Sebaliknya, *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* dengan jelas memenuhi ciri-ciri sebuah karya *uṣūl al-hadīth* kerana memberi tumpuan kepada prinsip-prinsip asas dalam penerimaan dan penolakan hadith.

Kajian ini juga mendapati bahawa kedua-dua kitab berkongsi beberapa elemen metodologi yang serupa, seperti penggunaan sanad dalam perbahasan, perbincangan mengenai kedudukan perawi, dan keutamaan periwayatan hadith sebagaimana didengari. Namun, perbezaan utama adalah dalam skop perbincangan, di mana *al-Ilal al-Saghīr* tidak memberikan perbahasan yang mendalam mengenai ‘ilal seperti yang dilakukan oleh Muslim dalam karya beliau yang lain, iaitu *al-Tamyīz*.

Berdasarkan dapatan ini, kajian ini berjaya menjawab persoalan utama mengenai kedudukan *al-Ilal al-Saghīr*, sekali gus membantu memperjelaskan klasifikasinya dalam literatur hadith. Kajian juga mencadangkan agar penyelidikan lanjutan dilakukan untuk meneliti bagaimana kitab ini diajar di institusi-institusi hadith, kerana pendekatan pengajaran boleh mempengaruhi persepsi terhadap klasifikasi karya ini. Selain itu, disyorkan agar kajian masa depan membandingkan *al-Ilal al-Saghīr* dengan lebih banyak karya *uṣūl al-hadīth* seperti *Risālah ilā Ahl Makkah* oleh Abū Dāwud atau *Ma’rifah ‘Ulūm al-Hadīth* oleh al-Ḥākim al-Naisābūrī untuk memahami lebih lanjut kedudukan kitab ini dalam konteks perkembangan metodologi hadith.

Dengan ini, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai kedudukan *al-Ilal al-Saghīr*, sekali gus membantu dalam pengelasan lebih tepat terhadap karya-karya hadith dalam bidang akademik.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak penilai kerana telah menerima manuskrip ini dan memberikan ulasan yang sangat baik. Manuskrip ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran atau institusi.

RUJUKAN

- ‘Abd Allāh al-Sa‘dī. (2021). *al-Wajīz fī Sharḥ Kitāb al-Tamyīz*. Riyadh: Dār al-Adāwah li al-Nasyr.
- ‘Azām, Z. (2018). Bayān Awjah al-Ittifāq wa Mawādī’ al-Iftirāq fīmā Rasamah al-Imām al-Tirmizī fī Kitābihi al-‘Ilal al-Saghīr min Ahkām wa Muṣṭalahāt. *Journal of Islamic Studies*, 38(7).
- Abd Karim, A. M., & al-Dusūqī, M. N. (2016). ‘Ilal al-Hadīth bayna al-Qawā’id al-Nazariyyah wa al-Tadbīq al-‘Amalī. Kaherah: Maktabah al-Īmān.
- Abū Syāmah, A. R. bin I. (1985). *Mukhtasar al-Mua’mmal fī al-Radd ‘Ilā al-Amr al-Awwāl*. Kuwait: Maktabah al-Sahwah al-Islāmiyyah.
- Al-Azhar, A. T. (2007). *al-Madkhāl ilā Jāmi’ al-Imām al-Tirmizī*. Kuwait: Maktabah al-Syuūn al-Fanniyah.
- Al-Ghaurī, A. M. (2005). *al-Madkhāl ilā Dirāsat Jāmi’ al-Tirmizī*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Ghawrī, S. ‘A. (2019). ‘Ilm ‘Illal al-Hadīth: Ta’rīfuhu wa Ahammiyyatuhu wa Aimmatuhu wa Kutubuhu. Selangor: Ma’had wa Dirāsāt al-Hadīth al-Sharīf bi Silanjūr.
- Al-Hamid, S. A. (2012). *Al-Madkhāl iila Ilm Illal al-Hadīth*. Riyadh: Lajnah al-Da’wah wa al-Irsyad Bayan wa Musyrif.
- Al-Hararī, M. A. bin ‘A. al-‘A. al-U. (2009). *Al-Kawkab al-Wahhāj Sharḥ Ṣahīḥ Muslim*. Riyadh: Dār al-Minhāj.
- Al-Ityūbī, M. I. al-Sh. al-‘A. ‘A. bin A. bin M. (1424H). *Qurratu al-‘Ayn al-Muhtāj fī Sharḥ Muqaddimah Ṣahīḥ al-Imām Muslim bin al-Hajjāj*. Kaherah: Dār Ibn al-Jawzī.
- Al-Khalīlī, K. A. (1989). *Al-Irsyād fī Ma’rifah ‘Ulamā al-Hadīth*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.

- Al-Sa'ad, A. (2022). *al-Madkhal ilā Jāmi' al-Tirmizī*. Riyadh: Dār al-Muhaddith.
- Al-Şayyāh, A. (2000). *Juhūd al-Muhaddithīn fī Bayān Ilal al-Hadīth*. Riyadh: Dar al-Muhaddith.
- Al-Tirmizī, M. bin Ī. al-'Ilal al-Saghīr (Ed. A. al-Zuraqī). Riyadh: Dār al-Muhaddith.
- Al-Zahabī, M. A. (1985). *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Zuraqī, 'A. 'A. S. (2004). *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarāin Al-Tarjīh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī'.
- Arfan, Z., Alwi, Z., Darussalam, A., & Afni, N. A. (2024). Metodologi Penyusunan Kitab 'Ilal al-Hadīš karya Ibn Abi Hātim. *JAWAMI'UL KALIM: Jurnal Kajian Hadis*, 2(1), 33-32. <https://doi.org/10.36701/jawamiulkalim.v2i1.1298>
- Dzulraidi, D. (2023). Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi. Terengganu: Paddi Resources.
- Dzulraidi, D. (2024). *Al-Qawā'id al-Asāsiyah fī Ilm Muṣṭalah al-Hadīth*. Beyt Atiq Enterprise.
- Dzulraidi, D. H., et al. (2024). Konsep Qarā'in Tarjīh dan Aplikasinya dalam Kitab al-Tamyīz Karangan Muslim bin al-Hajjāj: The Concept of Qarā'in Al-Tarjīh and Its Application in the Book Al-Tamyīz by Muslim bin Hajjāj. *Journal of Fatwa and Falak Selangor*, 1(1), 14-36. <https://juffas.muftiselangor.gov.my/index.php/jurnal/article/view/17>.
- Ibn Kathīr, I. bin 'U. (2006). *al-Bā'ith al-Hasīth ilā Ikhtisār 'Ulūm al-Hadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Rejab, A. R. bin A. (1987). *Syarh 'Ilal al-Tirmizī*. Maktabah al-Manār.
- Ibn Rejab, A. R. bin A. (2001). *Syarh 'Ilal al-Tirmizī* (H. Sa'īd, Ed.). Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Rejab, A. R. bin A. (2016). *Syarh 'Ilal al-Tirmizī* (N. al-'Itr, Ed.). Kaherah: Dār al-Salām.
- Idris, M. A., Muhamad, H., & Ibrahim, R. Z. A. R. (2018). Metodologi Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Ilhām, M. (2018). *Al-Asānid al-Fiqhiyyah wa al-Masā'il al-Hadīthiyyah allati Ikhtassa bihā al-Imām al-Tirmizi fī Kitābihi al-Ilal al-Saghīr* [Disertasi sarjana]. Universiti Echahid Hamma Lakhdar.
- Jābir al-‘Abd, A. (2020). Al-Hadīth al-Gharīb ‘inda al-Imām al-Tirmizī. EKB Journal, 22(1).
- Ma’mar, I. (2018). Al-Asānid al-Fiqhiyyah wa al-Masā’il al-Hadīthiyyah allatī Ikhtassa bihā al-Imām al-Tirmizī fī Kitābihi al-Ilal al-Saghīr (disertasi sarjana, Echahid Hamma Lakhdar University).
- Muslim bin al-Ḥajjāj. (1990). *al-Tamyīz*. Saudi: Maktabah al-Kauthar.
- Muslim bin al-Ḥajjāj. (2009). *al-Tamyīz* (A. Muṣṭafā al-’Muhammadī, Ed.). al-Su’ūdīyyah: Dār Ibn al-Jawzī.
- Muslim bin al-Ḥajjāj. (2009). *al-Tamyīz* (S. bin Ahmad, Ed.). Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Rokhibi, I. A. M. (2022). Aliran Kritik Hadith terhadap Isu-Isu dalam Muqaddimah Sahih Muslim: Kajian Perbandingan Antara Rabi’ al-Madkhali dan Hamzah al-Malyabari (disertasi sarjana, Universiti Malaya).
- Suwailim, A., & Ubaid, S. (2020). Al-Hadīth al-Fard ‘inda al-Imām al-Tirmizī min Khilāl Kitābihi al-Ilal al-Saghīr (disertasi sarjana, Echahid Hamma Lakhdar University).